

# Pengurusan Kekayaan OCBC Al-Amin

## Lembaran Maklumat Produk Deposit

### Akaun Simpanan Tetap-i

Nama Produk: Akaun Simpanan Tetap-i

#### Apakah Akaun Simpanan Tetap-i?

Akaun simpanan tetap Islamik yang menawarkan kadar keuntungan tetap untuk membantu pelanggan merancang kekayaan mereka dengan lebih baik.

1

Maklumat Am	
<b>Kontrak Syariah</b>	Tawarruq
<b>Definisi dan ciri-ciri penting</b>	Tawarruq merujuk kepada jualan aset yang dimiliki dan dalam pegangan penjual pada harga tertangguh, dan aset tersebut kemudiannya dijual oleh pembeli kepada pihak yang bukan penjual asal secara tunai bagi tujuan mendapatkan tunai.
<b>Bagaimanakah Produk ini Berfungsi?</b>	<p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui urusan dwi agensi. Di bawah urusan ini, OCBC Al-Amin Bank Berhad ('OCBC Al-Amin') akan bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menyelesaikan transaksi Tawarruq. Secara asasnya, Pelanggan adalah penjual dan OCBC Al-Amin adalah pembeli komoditi pada harga tertangguh. Penerangan terperinci adalah seperti berikut:</p> <p>Pelanggan menandatangani dana* dengan OCBC Al-Amin Bank dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi ialah Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</p> <p><u>*Dana Pelanggan</u> : Harga Belian Pelanggan</p> <p>OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai ejen pelanggan daripada broker pada harga semasa. Jika tiada permintaan untuk serahan komoditi secara fizikal, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen (Wakil) untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri setelah pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dalam jumlah yang setara dengan Harga Belian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**.</p> <p><u>**Kos ditambah keuntungan</u> : Harga Belian Bank</p> <p>Apabila tiba tarikh pembayaran tertunda, OCBC Al-Amin akan membayar pelanggan kos (jumlah pokok) serta keuntungan.</p>
<b>Aset Patuh Syariah</b>	Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi yang patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin sebagai wakil kepada pelanggan.
Kelayakan	
<b>Umur</b>	Individu-individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama)
<b>Akaun Amanah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk individu di bawah 18 tahun ("Minor"), akaun amanah boleh dibuka di bawah nama Ibu Bapa/Penjaga.</li> <li>Akaun hanya boleh dibuka dengan tidak lebih daripada 1 penerima (minor) bagaimanapun ia mungkin boleh melebihi 1 pemegang amanah (Ibu bapa/Penjaga).</li> </ul>
<b>Warganegara</b>	Terbuka untuk Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).
<b>Dokumen yang Diperlukan</b>	<p>Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kad Pengenalanan atau Pasport.</li> <li>Individu di bawah umur 18 tahun (akaun amanah).</li> </ul>

V3/Ogos 2023

OCBC Al-Amin Bank Berhad 200801017151 (818444-T)

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Lahir individu terbabit, Kad Pengenalan Ibu bapa/Penjaga, Sijil Pengesahan Penjaga (jika berkenaan).</li> </ul>						
<b>Simpanan Permulaan Minimum</b>	<p>RM5,000 untuk penyimpanan selama 1 bulan.                  RM1,000 untuk penyimpanan selama 2 – 60 bulan deposit</p>						
<b>Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun</b>	Berdasarkan simpanan permulaan minimum bagi tempoh masing-masing.						
<b>Pulangan ke atas Akaun</b>							
<b>Pengiraan Keuntungan</b>	<p>Keuntungan dikira secara harian dan dibayar mengikut jarak masa berikut berdasarkan tempoh simpanan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Simpanan</th> <th>Keuntungan Dikreditkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpanan 1 hingga 12 bulan</td> <td>Apabila tempoh simpanan matang</td> </tr> <tr> <td>Simpanan lebih dari 12 bulan</td> <td>Setiap 6 bulan dari tarikh permulaan efektif simpanan</td> </tr> </tbody> </table>	Tempoh Simpanan	Keuntungan Dikreditkan	Simpanan 1 hingga 12 bulan	Apabila tempoh simpanan matang	Simpanan lebih dari 12 bulan	Setiap 6 bulan dari tarikh permulaan efektif simpanan
Tempoh Simpanan	Keuntungan Dikreditkan						
Simpanan 1 hingga 12 bulan	Apabila tempoh simpanan matang						
Simpanan lebih dari 12 bulan	Setiap 6 bulan dari tarikh permulaan efektif simpanan						
<b>Keuntungan ke atas pengeluaran pramatang bagi simpanan sebelum tempoh matang</b>	<p>Pelanggan boleh membuat permintaan supaya pembayaran diselesaikan lebih awal, dan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') ke atas Jumlah pokok serta keuntungan.</p> <p>Tiada keuntungan akan dibayar untuk penyelesaian awal penuh atau separa penyelesaian awal (rebat adalah keseluruhan jumlah keuntungan yang perlu dibayar).</p>						
<b>Pulangan ke atas Akaun</b>							
<b>Separu Penyelesaian Awal bagi simpanan sebelum tempoh matang</b>	<p>Separu Penyelesaian Awal untuk Simpanan Tetap-i baharu/ pembaharuan semula tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Simpanan Tetap-i baharu/ pembaharuan semula yang dibuat pada atau selepas 5 Mac 2018.</li> <li>Amaun penyelesaian dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000).</li> <li>Baki minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap kontrak hendak dikekalkan sehingga tarikh matang. Sekiranya sebaliknya, ia akan dianggap sebagai penyelesaian penuh deposit.</li> <li>Tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun Separu Penyelesaian Awal untuk Simpanan Tetap-i, tanpa mengira bilangan bulan yang telah dilengkapkan semasa pengeluaran. Keuntungan yang dikontrakkan akan dibayar untuk baki yang tidak dikeluarkan.</li> <li>Pelanggan harus memberikan rebat terhadap semua keuntungan dari jumlah Separu Penyelesaian Awal dan jumlah pokok serta keuntungan/ baki jumlah pokok serta keuntungan akan turut dikurangkan dengan rebat. Sekiranya keuntungan telah dibayar oleh Bank, pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menolak rebat dari jumlah Separu Penyelesaian Awal oleh pelanggan</li> <li>Untuk penyelesaian awal atau Separu Penyelesaian Awal, Pelanggan perlu membayar semua yuran pegangan, pengendalian dan pembrokeran (secara kolektif, "Caj") yang telah dikenakan oleh mana-mana broker pihak ketiga untuk penjualan dan pembelian komoditi menurut komoditi murabahah. Bank berhak untuk menolak Caj tersebut daripada jumlah pokok serta keuntungan/ baki jumlah pokok serta keuntungan/ jumlah Separu Penyelesaian Awal sebelum membayar baki kepada Pelanggan.</li> <li>Penyelesaian sebahagian hanya boleh dilaksanakan di kaunter cawangan Bank.</li> <li>Penyelesaian sebahagian hanya boleh dibenarkan untuk Simpanan Tetap-i yang mempunyai tempoh selama 2 bulan dan ke atas.</li> </ul>						

Ciri-ciri dan Manfaat	
<b>Pilihan tempoh simpanan yang pelbagai</b>	Tempoh Akaun Simpanan Tetap-i adalah dalam gandaan 1 bulan sehingga tempoh maksimum 60 bulan.
<b>Penyata Akaun</b>	Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata (jika terdapat aktiviti untuk bulan tersebut) yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.
<b>Insurans Simpanan</b>	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.
<b>Polisi Wang yang Tak Dituntut</b>	Mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dormant selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tidak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965
<b>Pengendalian Akaun Bersama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/ Pasport diperlukan dengan setiap permohonan.</li> <li>Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.</li> <li>Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan.</li> <li>Jika OCBC Al-Amin menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Al-Amin boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Al-Amin layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</li> <li>OCBC Al-Amin boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Al-Amin yang dipenuhi.</li> </ul>
Ringkasan Yuran dan Caj	
<b>Yuran Dagangan Komoditi</b>	Ditanggung oleh OCBC Al-Amin
Maklumat Perhubungan	
<b>OCBC Al-Amin (Malaysia) Berhad</b>	<p>Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines &gt; Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang</p>

	<p>lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit. Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut atau emel kepada alamat berikut (sila rujuk Help &amp; Support &gt; The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p><b>Service Transformation Department</b>                  OCBC Bank (Malaysia) Berhad,                  Menara OCBC,                  18 Jalan Tun Perak,                  50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman Perkhidmatan Kewangan); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Laman web MyCoverage</li> </ul> <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia)</p>
<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</b>	<p>Hubungi talian hotline (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM)</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkaralain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Simpanan Tetap-i OCBC Al-Amin** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin terlebih dahulu.